

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**
TARIKH : **18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan persediaan negara untuk menerima sistem kewangan alternatif (alternative financing) seperti matawang kripto sebagai sebahagian dari struktur kewangan yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia dan menjadikan ia fokus dalam dasar kewangan negara untuk tahun 2022.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Matawang kripto (*cryptocurrency*) atau aset digital (*digital asset*) tidak diiktiraf sebagai matawang yang sah diperlakukan (*legal tender*) di Malaysia dan bukan merupakan instrumen pembayaran yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Aset digital seperti Bitcoin dan Ethereum tidak sesuai digunakan sebagai instrumen pembayaran disebabkan aset ini tidak menunjukkan ciri-ciri universal wang. Secara umumnya, aset digital bukan penyimpan nilai dan medium pertukaran yang baik disebabkan keadaan aset digital yang terdedah kepada turun naik harga yang tidak menentu akibat pelaburan spekulatif, risiko kecurian akibat ancaman siber dan kekurangan daripada segi boleh skala (*scalability*).
2. Di Malaysia, sistem pembayaran domestik, termasuk Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (*Real-time Retail Payments Platform, RPP*) terus beroperasi dengan selamat dan cekap untuk menyokong keperluan ekonomi dan membolehkan pembayaran digital masa nyata. Selain itu, sistem kewangan di Malaysia terus menyokong fungsi ekonomi di samping memenuhi keperluan individu dan perniagaan.
3. Bagi menangani risiko berkaitan aktiviti aset digital, BNM telah mengeluarkan kenyataan dari semasa ke semasa untuk mengingatkan orang ramai agar berhati-hati dalam menilai risiko berurusan dalam aset digital. Selain itu, BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) juga telah memeterai pengaturan penyelarasan untuk aktiviti aset digital. Ini bertujuan untuk menyokong inovasi industri dan pada masa yang sama memastikan risiko berkaitan aktiviti aset digital tetap terkawal serta langkah-langkah integriti kewangan kekal berkesan. Dalam hal ini, pihak SC sebagai pengawal selia utama bagi aktiviti aset digital, bertanggungjawab dalam pengawalseliaan aktiviti dagangan aset digital serta aktiviti perolehan dana melalui Tawaran Awal Bursa (*Initial Exchange Offering, IEO*).